

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 29 November 2020 12:47 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Hasilkan Sabun Mandi Organik Guna Bahan Asas Dapur



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 NOVEMBER 2020 / 13 RABIULAKHIR 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Fatin Athirah Fadzillah
Gambar oleh: Kelab Kebajikan CEDI

HASILKAN SABUN MANDI ORGANIK GUNA BAHAN ASAS DAPUR



UUM ONLINE: Siapa sangka bahan asas yang terdapat di dalam dapur boleh menghasilkan sabun mandi organik. Itulah yang dilakukan Kelab Kebajikan, Institusi Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI).

Pengarah CEDI, Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, mereka hanya menggunakan bahan-bahan asas yang terdapat di rumah seperti minyak masak dan oats untuk menghasilkan sabun organik itu.

Menurutnya, pembuatan sabun mandi tersebut bukan sahaja boleh dilakukan di pejabat, malah di rumah masing-masing dengan hanya menggunakan bahan asas itu.

Katanya, aktiviti seperti ini dapat memberi kesedaran kepada staf untuk menghasilkan produk kos rendah tetapi berkualiti bagi kegunaan seharian, di samping bersifat organik.

“Penghasilan sabun organik ini telah dilaksanakan pelajar Kelab ENACTUS bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan sampingan.

“Aktiviti penghasilan sabun organik ini dapat membentuk sifat berjimat-cermat dalam kalangan staf, selain mendidik mereka utk menghasilkan produk organik yang berkualiti bagi kegunaan harian,” katanya.

Tambah beliau, Kelab ENACTUS telah banyak membantu mendidik golongan yang kurang bernasib baik bagi menjana pendapatan sampingan menerusi penghasilan sabun ini.

Menurutnya, selepas ini beliau berharap agar staf di CEDI juga dapat mengembangkan inisiatif ini dan bergerak bersama-sama ke arah menjalankan aktiviti keusahawanan sosial seumpamanya.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Kebajikan CEDI, Mohammad Fithri Hamzah berkata, aktiviti-aktiviti seperti ini akan dijalankan lagi bagi mengeratkan silaturahim sesama staf dan bertujuan memberi ilmu baru kepada semua.

“Dengan bantuan Penyelaras ENACTUS, selepas ini kami bercadang untuk mengadakan aktiviti penghasilan sabun pencuci pinggan menggunakan minyak masak terbuang dan sabun pencuci pakaian organik pula,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.